

# YAYASAN JEFFREY CHEAH

# BIASISWA KOMUNITI



Owned and governed by the

Jeffrey Cheah Foundation

*Nurturing the Seeds of Wisdom*

# MAKLUMAT BIASISWA

## Kelayakan

- Warganegara Malaysia berumur di bawah 25 tahun
- Pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan
- Memenuhi syarat kemasukan program
- Kanak-kanak dari Pusat Kebajikan / Pusat Komuniti digalakkan untuk memohon

## Nilai Biasiswa

- Yuran Pengajian Penuh
- Penginapan di Sun-U Apartment (Asrama)
- Perbelanjaan buku / Elaun buku
- Elaun bulanan

*Nota: Tidak termasuk deposit program, deposit asrama, kos lain yang ditanggung dalam setiap mata pelajaran akademik dan yuran pengulangan*

## Bidang Pengajian Pilihan

- ACCA Foundation in Accountancy (ACCAFIA)
- Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- Certificate in Finance, Accounting and Business (CFAB)
- Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)
- Diploma Interaktif Media Baru
- Diploma Kandungan Kreatif Digital
- Diploma Kewangan
- Diploma Komunikasi
- Diploma Perakaunan
- Diploma Pengurusan Acara
- Diploma Pengurusan Hotel
- Diploma Pentadbiran Perniagaan
- Diploma Sains Komputer
- Diploma Teknologi Maklumat

## Cara Permohonan

1. Melengkapkan borang permohonan biasiswa di sebelah brosur ini dan hantar kepada kami
2. Sila lampirkan dokumen salinan yang diperakui sah:
   - SPM / STPM atau setaraf
   - Kad Pengenalan
   - Sijil Berhenti / Tamat Sekolah dan Testimoni
   - Cukai Pendapatan Ibubapa / Penjaga yang terkini
   - Slip gaji bulanan terkini bagi 3 bulan berturut-turut / bukti pendapatan lain
     (Bagi pesara, sila lampirkan slip gaji yang terakhir)
3. Hantar kepada Malaysian Care
4. Tarikh Permohonan: 2 minggu selepas keputusan SPM

## Sila Hubungi

Pegawai yang dilantik Malaysian Care:
Ms Nicolle (jcf@malaysiancare.org)
atau kunjungi laman web: www.malaysiancare.org/jcf

Unit Biasiswa di Student LIFE (Sunway University) di talian:
Tel: (603) 7491 8622 ext: 3038 / 3040
Emel: scholarship@sunway.edu.my









# BEYOND DREAMS: INSPIRING JOURNEYS



David Kingsley
*Bachelor of Science (Hons) in International Business*
*Yayasan Sunbeam*

"Membesar dalam keluarga ibu tunggal dan menghadapi kesukaran kewangan selepas ayah saya meninggal dunia, saya tidak pernah sangka pendidikan tinggi boleh dicapai.

Hidup memang susah, tetapi saya kuatkan semangat dan fokus pada pelajaran dengan harapan suatu hari nanti dapat memberi semula kepada masyarakat. Hidup saya berubah apabila saya mendapat Biasiswa Yayasan Jeffrey Cheah. Saya mendapat sokongan daripada bimbingan kerjaya, pensyarah yang mesra, dan kemudahan bertaraf dunia. Biasiswa ini bukan sahaja mengubah hidup saya, tetapi juga memberi peluang untuk mencapai cita-cita. Saya sangat berterima kasih atas peluang yang Sunway telah berikan kepada saya."

"Berasal dari sebuah pekan kecil di Sandakan, Sabah, saya dibesarkan dalam keluarga yang mengalami kesukaran kewangan. Sejak umur 14 tahun, saya bekerja sambilan untuk membantu keluarga sambil meneruskan pelajaran. Walaupun berdepan banyak cabaran, termasuk kemurungan dan pandemik, saya tetap bertekad untuk melanjutkan pelajaran.

Selepas keputusan SPM, saya memahami peluang saya adalah dengan mendapatkan biasiswa. Dengan biasiswa ini, pintu masa depan lebih cerah, dikelilingi dengan komuniti yang menyokong, dan saya sangat bersyukur atas peluang yang mengubah hidup ini. Saya bersemangat untuk masa depan yang menanti!"



Dayang Ku
*Bachelor of Science (Hons) in Culinary Management*
*Poor Community*



Venisri
*Bachelor of Science (Hons) Business Studies*
*Calvaryland*

"Saya bersyukur atas biasiswa yang telah mengubah hidup saya dan membolehkan saya mengejar impian. Membesar di rumah kebajikan, saya tidak pernah sangka dapat melanjutkan pelajaran. Dengan biasiswa ini, saya bukan sahaja berjaya tamat pengajian tetapi juga membantu adik-beradik melanjutkan pelajaran.

Kini, saya mengetuai pengurusan komuniti di Sttoke dan dapat menyumbang kepada keluarga saya. Pendidikan telah mengubah hidup saya, dan saya akan sentiasa berterima kasih atas peluang ini."

"Sebagai Orang Asli dari Kota Kinabalu, saya keluar dari kampung halaman dan zon selesa untuk melanjutkan pelajaran di Sunway University – satu impian yang dulu saya fikir mustahil. Kini, saya berjaya bergelar graduan.

Terima kasih kepada Biasiswa Komuniti Yayasan Jeffrey Cheah, saya dapat menamatkan pendidikan tinggi saya, pencapaian terbesar dalam hidup saya. Saya yakin ilmu yang saya pelajari akan membuka peluang kejayaan pada masa depan. Terima kasih, Tan Sri Sir Dr Jeffrey Cheah!"



Joey Nelson
*Bachelor of Science (Hons) in Computer Science*
*Orang Asli Sabah*

# YAYASAN JEFFREY CHEAH BIASISWA KOMUNITI

## BORANG PERMOHONAN

Nama ______ No.K/P ______ Umur ______

Alamat Surat-Menyurat ______

Emel ______ No. Telefon Bimbit ______

**KELAYAKAN**

i) ☐ SPM ☐ O-Level

ii) ☐ STPM ☐ Diploma Sunway ☐ Lain-lain (sila nyatakan) ______

**PROGRAM YANG DIPOHON**

Nama Program ______ Sesi Pengambilan ______

**LATAR BELAKANG KELUARGA**

| Bapa/Penjaga | | Ibu/Penjaga | |
|---|---|---|---|
| Nama & No. Kad Pengenalan | Umur: | Nama & No. Kad Pengenalan | Umur: |
| Perkerjaan: | Status: *sila tandakan satu*<br>☐ Bujang ☐ Berkahwin<br>☐ Bercerai ☐ Meninggal | Perkerjaan: | Status: *sila tandakan satu*<br>☐ Bujang ☐ Berkahwin<br>☐ Bercerai ☐ Meninggal |
| Nama & Alamat Majikan: | | Nama & Alamat Majikan: | |
| Pendapatan Bulanan (RM): | | Pendapatan Bulanan (RM): | |
| Pendapatan dari sumber lain (RM): | | Pendapatan dari sumber lain (RM): | |

**Butiran adik-beradik**

| | | Jika bekerja | | Jika belajar | |
|---|---|---|---|---|---|
| Nama | Umur | Perkerjaan | Pendapatan Bulanan (RM) | Nama Sekolah/ Pusat Institusi | Sumber Bantuan Kewangan |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |

**MAKLUMAT PUSAT KEBAJIKAN/ JAGAAN KOMUNITI**

| | |
|---|---|
| Nama Pusat Kebajikan/Jagaan | |
| Alamat | |
| Nama Penyelaras/Pengerusi Penyelia/Ketua | |
| Jawatan | |
| No. Telefon | |

**PERAKUAN PEMOHON**

*Saya telah membaca Notis Perlindungan Data Peribadi yang disediakan oleh Sunway University/Kolej selaras dengan seksyen 7 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, yang merangkumi tujuan di mana data peribadi saya dikumpul / diproses oleh pihak Sunway University dan pihak institusi boleh mendedahkan data peribadi saya kepada pihak ketiga. Dengan ini saya, memberi kebenaran kepada pihak Sunway University / Kolej untuk memproses data peribadi saya selaras dengan Notis Perlindungan Data Peribadi. Saya juga dengan ini menjamin bahawa saya telah memperoleh persetujuan yang diperlukan dari pihak ketiga di mana saya telah memberikan maklumat peribadi mereka sebagai sebahagian daripada permohonan saya. Saya juga bersetuju dengan mana-mana institusi pendidikan dan / atau mana-mana majikan yang lalu atau yang terkini, untuk memberikan Sunway University / Kolej maklumat yang mereka ada mengenai saya untuk tujuan pengesahan Sunway University / Kolej terhadap gred dan / atau kelayakan saya.*

*Saya memberi kebenaran kepada Sunway University / Kolej untuk memberi maklumat bayaran dan kemajuan akademik kepada penaja bersama biasiswa ini (jika ada). Saya mengakui bahawa maklumat yang terkandung di dalam borang permohonan dan di dalam dokumen yang dilampirkan adalah tepat, lengkap dan terkini. Saya mengakui bahawa Sunway University / Kolej mempunyai kuasa untuk memberi atau menarik balik sebarang keputusan mengenai permohonan yang dibuat atas dasar maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap. Jika maklumat itu didapati palsu di mana-mana peringkat, biasiswa akan ditamatkan serta-merta dan saya akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada Institusi dengan jumlah pembayaran yang telah diterima.*

Tanda Tangan Pemohon ______ Tarikh Permohonan ______

*Sila tanggalkan bahagian dan hantar kepada kami*